

18 OCT 2002

Abdullah-Kemas (Bergambar)

KEMAS PENGGERAK REFORMASI SEBENAR, KATA ABDULLAH

BATU PAHAT, 18 Okt (Bernama) -- Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) merupakan penggerak reformasi yang sebenar kerana telah berjaya membawa perubahan dan kemajuan yang bererti kepada penduduk luar bandar, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Inilah reformasi yang benar-benar bererti, yang membina dan berhasil membawa kemajuan kepada rakyat," katanya, memberi penghargaan yang tinggi kepada lebih 1,000 pegawai dan kakitangan Kemas yang menghadiri sambutan Hari Kemas Kebangsaan di sini malam ini.

Beliau berkata para pegawai Kemas bukan sahaja membangunkan masyarakat tetapi juga terlibat menjayakan rancangan pendidikan dan kesihatan luar bandar serta pembangunan ekonomi sejajar dengan matlamat Kemas sendiri dan hasrat kerajaan.

Sehubungan itu, katanya Kemas masih relevan dan akan terus relevan sebab ia telah menjayakan pelbagai projek dengan kreatif dan inovatif sehingga membawa kesan positif kepada masyarakat.

Abdullah berkata Kemas perlu berusaha dengan lebih gigih lagi dengan menjayakan rancangan-rancangan baru kerajaan seperti program Satu Kampung Satu Industri yang dihasratkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam penghargaan kepada Kemas, Abdullah berkata jika pegawai pendidikan, pertanian serta kesihatan menumpukan khusus kepada bidang tugas masing-masing, tetapi pegawai Kemas perlu melibatkan diri dalam pelbagai bidang, yang memerlukan mereka diberikan latihan lanjutan untuk meningkatkan kemahiran.

Beliau juga meminta Kemas berperanan lebih besar untuk menjelaskan kepada penduduk luar bandar mengenai dasar penggunaan bahasa Inggeris sekarang yang bertujuan khusus untuk memberikan pendedahan awal kepada anak-anak supaya mereka dapat menguasai ilmu sains, teknologi dan matematik sejak awal lagi.

"Kita mesti pastikan kita tidak tertinggal, sebaliknya dapat mengikuti perkembangan mutakhir seperti dalam bidang ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) yang seratus peratus ilmunya boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris," katanya.

Dalam hubungan itu, Abdullah menyatakan kebimbangan jika isu bahasa Inggeris dipolitikkan oleh golongan ekstrem yang menggunakan sentimen perkauman dalam membincangkan isu itu.

Mengenai keganasan pula, beliau meminta pegawai Kemas menerangkan kepada rakyat bahawa kerajaan tidak mahu dan tidak akan menerima apa juga bentuk keganasan sama ada yang dikaitkan dengan ideologi, agama mahupun bangsa sebab keganasan itu sendiri dikutuk oleh Islam.

Majlis itu turut dihadiri Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

-- BERNAMA

MNY HS HM